

24/10/1998

Pelantikan Menteri Kewangan sah

PELANTIKAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Menteri Kewangan telah disahkan melalui warta yang dikeluarkan atas titah perintah Yang di-Pertuan Agong.

Warta bertarikh 5 September atas nama Akta Tugas-tugas Menteri 1969 dan Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan 1998 itu, ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Perdana Menteri menjelaskan kepada pemberita demikian selepas membentangkan ucapan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat semalam.

Sebelum itu, Ahli Parlimen (DAP) Jelutong, Karpal Singh mendakwa Dr Mahathir tidak dilantik secara sah sebagai Menteri Kewangan dan dengan itu tidak layak membentangkan belanjawan berkenaan.

Menurut Dr Mahathir, dakwaan Karpal yang dibuat sebelum beliau membentangkan belanjawan itu tidak berasas kerana beliau sememangnya telah disahkan sebagai Menteri Kewangan.

"Ucapan belanjawan boleh dibacakan oleh mana-mana menteri, tidak semestinya menteri kewangan. Mana-mana menteri boleh membuat ucapan belanjawan," katanya.

Ucapan Belanjawan 1999 tertangguh 10 minit apabila Karpal mempersoalkan kesahihan itu berdasarkan perkara 43 (5) Perlembagaan yang menurutnya menyebut, pemecatan Menteri Kewangan perlu terlebih dahulu mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah menyampaikan keputusan perlucutan Ahli Parlimen Permatang Pauh sebagai Menteri Kewangan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Walaupun Dr Mahathir memberi penjelasan, Karpal masih tidak berpuas hati dengan mempersoalkan sama ada Yang di-Pertuan Agong menerima keputusan itu.

Apabila Karpal terus mendesak dengan bertanya sama ada ia sudah diwartakan, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail memberikan keputusannya dengan berkata, perkara itu sudah diwartakan.

Dalam pertikaman lidah itu, Mohamed Zahir dua kali memberikan teguran kepada Karpal dan meminta beliau menarik semula kata-katanya apabila Karpal mengeluarkan kata-kata kesat.

(END)